

16 DEC 2002
Abdullah-MCA

ABDULLAH MAHU PENJELASAN MCA MENGENAI TEMPOH HUKUMAN DUA ADUN

KUCHING, 16 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu penjelasan terperinci daripada MCA mengenai tempoh hukuman yang dikenakan ke atas dua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA Pulau Pinang.

Abdullah berkata perkara yang perlu diperjelaskan ialah tempoh atau masa hukuman penggantungan ke atas keanggotaan Tan Cheng Liang (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat).

"Saya tentu ingin tahu apa maknanya "indefinitely" (tempoh masa yang tidak pasti)...kalau "indefinitely" bermakna sampai habis penggal mereka berkhidmat sebagai wakil rakyat BN boleh dianggap satu keputusan yang tegas dan keras bermakna mereka tidak ada peranan wakil rakyat BN," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Aidilfitri anjuran Yayasan Budaya Melayu Sarawak dan Hikmah di Stadium Perpaduan Petra Jaya di sini malam ini.

Mengulas keputusan Majlis Presiden MCA mengantung keanggotaan kedua-dua Adun itu, Abdullah berkata hukuman yang singkat tempohnya tidak bermakna dan tidak setimpal dengan kesalahan mereka.

Tan dan Lim mengambil sikap berkecuali daripada mengundi terhadap usul DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 Nov lepas bagi menangguhkan Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong bernilai RM400 juta.

Bagaimanapun Abdullah berkata, MCA mungkin sudah menjelaskan rasional keputusan penggantungan itu kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN pusat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata tradisi rumah terbuka semasa musim perayaan utama mesti diteruskan bagi menjamin perpaduan yang lebih tulen dan mesra di antara kaum di negara ini.

Beliau berkata dengan satu semangat muhibah, Malaysia yang terdiri daripada rakyat pelbagai bangsa dan agama akan sentiasa bebas daripada pengaruh perbezaan ekstremis, perkauman dan ideologi.

Timbalan Perdana Menteri berkata satu kejayaan terbesar di negara ini ialah perpaduan yang kukuh tanpa rasa prejudis dan semangat persaudaraan antara rakyat.

Beliau menganggap Sarawak mempunyai keistimewaan tersendiri daripada segi kebudayaan dan keselesaan yang dapat dirasakan oleh sesiapa yang datang ke negeri ini.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri kira-kira 6,000 orang itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Pengerusi Majlis Silaturahmi Aidilfitri yang juga Timbalan Pengerusi Yayasan Budaya Melayu Sarawak Senator Datuk Taha Ariffin.

-- BERNAMA
CJ RDY RHM